



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

2020 BULETIN MAQIS



JABATAN PERKHIDMATAN KUANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.

MAC

BULETIN @ MAQIS

28 TAN DAGING KERBAU DARI INDIA DITAHAN PIHAK MAQIS UNTUK SIASATAN LANJUT



Pelabuhan Klang, : Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menahan 24 tan daging kerbau sejuk beku dari India, di Pelabuhan Klang Barat di sini pada Sabtu lalu.

Hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan oleh pegawai penguatkuasa MAQIS dalam pemeriksaan pada 3.25 petang itu, mendapati sebuah kontena yang membawa dagangan daging kerbau sejuk beku itu tidak mematuhi syarat Permit Import yang dikeluarkan oleh MAQIS.

MAQIS Negeri Selangor dalam satu kenyataan berkata, pengimport yang membawa dagangan itu gagal mempamerkan logo halal di dalam kotak dagangan yang dikehendaki sepertimana yang dinyatakan di dalam syarat Permit Import yang diluluskan.

Berikutan itu, kesemua daging kerbau sejuk beku yang dianggarkan sebanyak 1,120 kanton dengan nilai RM323,000 ditahan untuk tindakan lanjut.

BULETIN @ MAQIS

KEPERLUAN PERMIT IMPORT, EKSPORT TERTAKLUK PERINTAH KASTAM

PUTRAJAYA - Keperluan permit untuk tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisme yang diimport atau dieksport di semua pintu masuk atau keluar negara di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah merujuk dan tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import atau Eksport) 2017.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berkata, pernyataan itu dibuat sebagai makluman kepada pihak industri seperti yang dibangkitkan dalam mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) Bil 1/2022 pada bulan lepas.



Maqis berkata, pada masa ini jabatan itu sedang dalam proses melaksanakan cadangan pindaan Perintah Kastam termasuk melalui proses Analisis Impak Peraturan (RIA) dan konsultasi awam di bawah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Justeru sebarang perubahan dan arahan berhubung keperluan permit import dan eksport adalah tertakluk kepada pindaan terkini perintah tersebut setelah dikeluarkan melalui Warta Kerajaan Persekutuan, katanya dalam satu kenyataan pada Khamis. - Bernama



BULETIN @ MAQIS



BENGKEL PEMANTAPAN PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH (PTKP) 2022



MAQIS Malaysia
@MaqisMalaysia



Lagi inisiatif yang diwujudkan oleh Jabatan

Aktiviti perdagangan dan rentas sempadan agromakanan yang dinamik memerlukan penambahbaikan SOP agar terus relevan

BULETIN @ MAQIS

LAWATAN PENGARAH BAHAGIAN KUARANTIN, DR. MOHD SYAZUWAN BIN ABD JALIL KE PREMIS KUARANTIN IKAN BERDAFTAR DI NEGERI JOHOR



10 Mac 2022 | Pontian Jaya Fish Farm, Pekan Nenas, Johor.
Turut hadir, Tuan Edie Putra bin Md Yusof Pengarah MAQIS Negeri Johor

Dr. Mohd Syazuwan bin Abd Jalil, menyerahkan sijil kelulusan premis kuarantin ikan kepada pemilik Syarikat Kim Kang Aquaculture



BULETIN @ MAQIS



28 Mac 2022 | Kuala Lumpur

Sentuhan Integriti” bagi menerapkan pembudayaan integriti kepada agensi penguatkuasaan di bawah MAFI melalui seminar bertajuk Cabaran Penguatkuasaan Berintegriti yang disampaikan oleh YBhg Dato Ayob Khan Pengarah, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM.



28 Mac 2022 | Kuala Lumpur

Kursus Siasatan dan Pendakwaan Jabatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Majlis perasmian disempurnakan oleh Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, Ketua Pengarah MAQIS.



BULETIN @ MAQIS



MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN TERMINAL FERI DESARU COAST

31 MAC 2022 | JOHOR



Perasmian Terminal Feri Desaru Coast oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan

Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman, Ketua Pengarah MAQIS turut ikut serta bagi menjayakan perasmian tersebut

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:

SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT:

**DR. AZHARI SHARIDAN
BIN ABU BAKAR**

Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR:

**EDIE PUTRA BIN MD
YUSOF**

EDITOR:

**MOHD HAFIZAN BIN
KHALID**



www.maqis.gov.my



[@maqismalaysia](https://www.instagram.com/maqismalaysia)



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya, Malaysia.



Phone No : 03-8870 8000
Fax No : 03-8870 8056